

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT  
TIRAH DATI JAJAHAN PASIR PUTERH,  
KELANTAN,

OLEH  
ROSHIDAH ERINI DAUD  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI DAN SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2006

013423

i100045588 Kolaj

Perpustakaan

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
**588**

LI 50 FPE 2 2006



1100045588

## Laporan akhir latihan industri di Pejabat dan Jajahan Pasir Puteh Kelantan / Roshidah Daud.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045588

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LIT  
50  
FPE  
2  
DRAFT

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT  
TANAH DAN JAJAHAN PASIR PUTEH,  
KELANTAN.**

**OLEH**

**ROSHIDAH DAUD  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2006

1100045588

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya **Roshidah Daud**, No. Matrik **UK 9524** mengaku bahawa laporan **Latihan Industri** bagi kursus **SOS 4299** adalah segala hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan industri selama 12 minggu di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



**Nama : Roshidah Daud**  
**No. Matrik : UK 9524**  
**Tarikh : 14 Nov 2006**

### Disahkan Oleh :



**Pn. Roshidah Muhamad**  
**Penyelia KUSTEM**  
**b/p Pengurus Latihan Industri**  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Segala puji bagi Allah, Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga, para sahabat serta pengikut-pengikutnya yang setia.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas nikmat dan limpah KurniaNya saya dapatl menyiapkn buku Laporan Akhir Latihan industri ini bagi memenuhi kursus SOS 4299 dengan sempurna dan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi ( FPE).

Pertama sekali, saya selaku pelatih Latihan Industri ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia Latihan Industri iaitu Puan Rasyidah Mohamad. Beliau telah memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan laporan ini sehingga laporan ini dapat disiapkan dengan sempurna. Segala ilmu yang dicurahkan akan saya manfaatkan di masa depan kelak, Insyaallah.

Terima kasih yang tidak terhingga terutama sekali kepada pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh yang sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri ini. Jutaan terima kasih juga kepada Encik Kamarulzaman bin Abd Wahab iaitu Penolong Ketua Jajahan ( Tanah) yang merupakan penyelia industri saya dalam organisasi ini. Beliau banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh menjalani Latihan Industri di organisasi ini. Tidak lupa juga kepada semua kerja yang lain terutama kakitangan Unit Pendaftaran.

Sekalung penghargaan juga kepada insan yang teristimewa iaitu ayahanda dan bonda yang menjadi sumber inspirasi saya untuk menyiapkan laporan ini dengan sebaik mungkin. Segala pengorbanan kalian berikan dikenang dan dijadikan motivasi buat saya untuk masa hadapan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana sanggup berkongsi idea dan pendapat yang bernas untuk menghasilkan laporan ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan laporan Akhir Latihan Industri ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Segala usaha dan jasa kalian amatlah saya sanjung tinggi.

Wassalam.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh merupakan sebuah organisasi di bawah jabatan kerajaan yang terpenting. Ia merupakan sebuah organisasi yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran tanah dan pembangunan. Organisasi ini berhubung secara langsung dengan masyarakat sekeliling. Lokasinya yang terletak di tengah-tengah bandar Pasir Puteh menyebabkan ianya sesuai untuk berurusan dengan orang awam.

Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dengan adanya bilangan pekerja yang mencukupi dan berpengalaman luas dalam bidang tugas masing-masing. Bidang kuasa organisasi ini adalah di bawah Peruntukan Undang-Undang Tanah dan Undang-Undang Kanun Tanah Negara (KTN). Selain itu, ia merupakan bahagian pelaksana dasar-dasar kerajaan.

Latihan Industri yang dijalankan selama 12 minggu ini memberikan pelbagai pendedahan yang berkaitan dengan pendaftaran Hakmilik Tanah. Ini termasuklah kemahiran dan pendedahan dalam bidang pengurusan pejabat dan pelbagai prosedur serta proses kerja. Pendedahan yang diberikan menyebabkan saya dapat mengenalpasti beberapa masalah yang berkaitan dengansistem yang diguna pakai dalam organisasi ini.

Selain itu, saya turut mencadangkan beberapa cadangan penyelesaian setelah berbincang dengan Penyelia yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan bagi mengatasi dan memperbaiki kelemahan yang wujud ini. Analisis mengenai kekuatan dan kelemahan organisasi turut dinyatakan bagi menilai keberkesanannya terhadap sistem dan cara pentadbiran yang ada.

Organisasi ini merupakan sebuah organisasi awam yang telah banyak memainkan peranan dalam pengurusan dan pembangunan terutama hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran tanah. Kelancaran dan keberkesanannya serta memberi kepuasan kepada pelanggan tidak dapat di capai tanpa kerjasama semua pihak.